

**KATEGORI & KRITERIA PENYERTAAN**  
**ANUGERAH HIJAU NEGERI MELAKA TAHUN 2024**

**1) Kategori Pembudayaan Hijau**

**Kriteria I** : Pembudayaan Hijau merupakan aktiviti yang memelihara alam sekitar seperti mengurangkan pencemaran, mengurangkan pembaziran tenaga dan sumber serta mengamalkan budaya kitar semula bahan - bahan terpakai.

**Kriteria II** : Pembudayaan hijau dilaksanakan secara menyeluruh di institusi atau agensi masing – masing di mana pelaksanaannya adalah secara berterusan dan melibatkan semua lapisan kakitangan.

**Kriteria III** : Pembudayaan dan amalan hijau di tempat kerja meliputi elemen - elemen seperti berikut:

- Kesedaran Amalan Hijau
- Pengurusan Tenaga
- Pencahayaan dan Pengudaraan
- Kitar Semula
- Perkhidmatan Makanan
- Pengangkutan Hijau
- Kesihatan dan Keselamatan

## 2) Kategori Projek Hijau

**Kriteria I** : Penyertaan terbuka kepada semua sektor yang melibatkan kajian, aplikasi dan penggunaan teknologi hijau sebagai teras projek yang dilaksanakan.

**Kriteria II** : Projek yang dilaksanakan adalah di negeri Melaka dan memberi impak positif kepada alam sekitar.

**Kriteria III** : Projek yang dipertandingkan merupakan projek yang telah siap dalam lingkungan tahun **November 2022 – Julai 2024** yang merangkumi sektor - sektor seperti berikut:

- Tenaga
- Bangunan
- Air
- Pengurusan Sisa
- Pengangkutan

## 3) Kategori Inovasi Hijau

**Kriteria I** : Penghasilan ciptaan baharu atau penambahbaikan kepada sesuatu produk atau perkhidmatan supaya lebih efektif dan mesra alam.

## 4) Kategori Program Komuniti Hijau

**Kriteria I** : Program yang dipertandingkan bermula pada tahun **November 2022 – Julai 2024** dan dilaksanakan di negeri Melaka.

**Kriteria II** : Program adalah bertujuan untuk memperkenalkan elemen teknologi hijau di negeri Melaka.

**Kriteria III** : Program melibatkan **komuniti / agensi / syarikat** yang melaksanakan di kawasan masing-masing.